

Persidangan Antarabangsa Sekolah Bestari 16 April

UM-14/4/2007

PUTRAJAYA 13 April - Kementerian Pelajaran dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Multimedia Development Corporation (MDeC) akan menganjurkan Persidangan Antarabangsa Sekolah Bestari di Kuala Lumpur selama tiga hari bermula Isnin depan.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak akan merasmikan persidangan yang dihadiri oleh tetamu dan peserta dari dalam dan luar negara itu.

Beliau berkata, persidangan itu bersempena fokus Pelan Induk Pembangunan Pendidikan iaitu program pembestarian sekolah dalam usaha pemantapan dan penjenamaan semula 88 buah sekolah bestari.

"Persidangan itu membolehkan golongan guru berkongsi pengalaman, pengetahuan dan amalan terbaik di sekolah dalam negara masing-masing.

"Ia juga bertujuan untuk mempromosikan pengalaman Malaysia dalam usaha membestarikan 10,000 buah sekolah termasuk 88 buah sekolah bestari aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) kepada dunia," katanya dalam satu kenyataan dikeluarkan semalam.

Persidangan itu akan disertai 264 peserta dan 44 orang penceramah dari 30 buah negara.

Malah, beliau menambah, beberapa organisasi peringkat antarabangsa seperti Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO), Bank Dunia dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) akan turut hadir.